

Celcom sokong PKS beralih ke era digital

Laksana kempen khas adaptasi norma baharu, rangsang perniagaan

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Celcom Axiata Bhd (Celcom) menyediakan platform bagi membolehkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKS) beralih ke arah digital untuk berdepan dengan norma baharu disebabkan pandemik COVID-19.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Idham Nawawi, berkata krisis kesihatan dan ekonomi global yang berlaku ketika ini memberikan impak besar kepada PKS dalam meneruskan perniagaan mereka. Beliau berkata, walaupun krisis itu menjadi cabaran tetapi pada masa yang sama membuka dan mempercepatkan agenda lain seperti peralihan ke arah digital dalam kalangan usahawan.

Katanya, digital memainkan peranan penting dalam konteks perniagaan ketika ini, justeru Celcom turut membantu kerajaan dan pihak berkepentingan lain dalam memperkasakan digital melalui kempen *Celcom Business: Reimagine SME for Tomorrow*.

"Kempen *Celcom Business: Reimagine SME for Tomorrow* akan memacu adaptasi digital di kalangan PKS tempatan, dalam operasi dan memastikan kemampuan perniagaan mereka.



Idham (dua dari kiri) bersama Ketua Pegawai Operasi MDEC, Datuk Ng Wan Peng (tiga dari kiri) pada Pelancaran *Celcom SME Campaign, Reimagine SME For Tomorrow* di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Eizairi Shamsudin/BH)

"Kempen ini juga turut membolehkan kerjasama daripada 13 organisasi terdiri daripada agensi kerajaan, institusi kewangan, organisasi keusahawanan dan rakan teknologi.

"Ia bagi membuka potensi dalam meluaskan rangkaian perniagaan PKS, membuka peluang pembangunan kemahiran di kalangan pemilik perniagaan, dan peluang untuk mereka menjana hasil baharu serta memacu pertumbuhan masa hadapan," katanya selepas majlis pelancaran *Celcom Business: Reimagine SME for Tomorrow* di Kuala Lumpur, semalam.

Idham berkata, melalui kempen itu, Celcom turut menjalin kerjasama strategik dengan dua bank iaitu SME Bank dan Alliance Bank untuk menyediakan pembiayaan kepada usahawan beralih kepada digital.

Beliau berkata, Celcom mema-

hami kekangan yang mungkin dihadapi oleh PKS, termasuk kekurangan sumber dan pengetahuan, mendorong pihaknya melaksanakan kempen itu.

Celcom dan rakan kerjasama terbabit, katanya, akan mempromosi kesedaran berkenaan teknologi melalui program perkongsian ilmu dan pembangunan kemahiran, serta membangun bersama pelbagai program digital untuk PKS.

Antara rakan yang menyertai Celcom dalam kempen *Celcom Business: Reimagine SME for Tomorrow* termasuk Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) Majlis Amanah Rakyat (MARA), SME Corporation, Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB), Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Alliance Bank Bhd.

Ia turut membolehkan organisasi seperti Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Usa-

hanita Kebangsaan, SME Association, Selangor Freight Forwarders and Logistics Association (SFFLA), Microsoft, Slurp! dan Avana Asia.

Melalui kempen *Celcom Business: Reimagine SME for Tomorrow*, PKS akan mempunyai peluang unik untuk diperkasa secara digital, dengan kit digital PKS daripada Celcom Business Suite.

Idham berkata, Celcom dan MDEC turut menawarkan geran Digitalisasi Perniagaan melalui Celcom Business Suite.

Beliau berkata, geran itu menawarkan PKS pemberian 50 peratus atau RM5,000 untuk setiap langganan perkhidmatan digital seperti Point of Sales elektronik (e-POS), Perancangan Sumber Perusahaan (ERP), elektronik sistem gaji, Pemasaran Digital, Perolehan, e-Dagang dan Kerja Jarak Jauh.